

Headline	TNB labur RM18.8b operasi grid		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 May 2018	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Bisnes	Page No	25,27
ArticleSize	472 cm ²	Journalist	Nurhayati Abillah
PR Value	RM 48,811		

[FOTO ROSELA ISMAIL/BH]



(Dari kiri) Azman, Moggie dan Fazlur Rahman pada sidang media selepas AGM TNB ke-28, di Kuala Lumpur, semalam.

TNB labur RM18.8b operasi grid

➔ Langkah perkukuh aspek pendigitalan, automasi

Oleh Nurhayati Abillah
nurhayatiabillah@nstp.com.my

Tenaga Nasional Bhd (TNB) komited untuk terus memperkukuhkan operasinya dengan memperuntukkan sejumlah RM18.8 bilion bagi pelaburan modal bagi tempoh tiga tahun sehingga 2020.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Seri Ir Azman Mohd, berkata pelaburan itu bagi memperkukuhkan operasi grid untuk mengukuhkan aspek pendigitalan dan automasi, selain mempertingkatkan kebo-

lehpercayaan syarikat.

“Pelaburan modal RM18.8 bilion itu bagi transmisi dan jaminan pengagihan grid di bawah Tempoh Pengawasaan kedua TNB, manakala RM2.7 bilion daripada turut dilaburkan ke dalam teknologi ‘Grid Masa Depan’ untuk membantu meningkatkan kebolehpercayaan dan kecekapan grid.

“Ini termasuk penempatan berjadual 340,000 meter pintar di Melaka dan penempatan 1.2 juta meter pintar tambahan di Lembah Klang,” katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) TNB ke-28, di Kuala Lumpur, semalam.

Yang hadir sama Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie dan Ketua Pegawai Kewangan TNB, Datuk Fazlur Rahman Zainuddin.

Azman berkata, skala dan kehadiran operasi TNB di

Malaysia juga memberikan peluang untuk menyokong vendor, komuniti dan ekonomi tempatan.

Stesen jana kuasa

Selain itu katanya, pembinaan loji tenaga Jimah East Power (JEP), di Jimah Port Dickson yang bernilai RM12 bilion kini dalam landasan untuk beroperasi mengikut jadual pada 2019.

“TNB memiliki pegangan 70 peratus dalam stesen jana kuasa itu dan stesen itu mampu menjana kuasa 2,000 megawatt tenaga elektrik,” katanya.

Sementara itu, Moggie berkata, TNB mengambil peluang daripada inovasi digital dan teknologi bagi operasi penjanaan dan grid, selain memperkenalkan produk dan perkhidmatan melangkaui meter.

Beliau berkata, loji lama yang tidak cekap sudah tidak diope-

rasikan dan digantikan dengan loji yang lebih cekap dan ekonomi.

Standard emas dalam loji kuasa arang, dinamakan teknologi ultra-supercritical, digunakan bagi loji baharu.

Loji yang menggunakan teknologi itu meningkatkan tahap kecekapan 40 peratus, berbanding dengan 36 peratus menggunakan sistem arang batu kisar konvensional.

“Loji Kuasa Jimah East yang 70 peratus dimiliki kami dalam landasan memulakan operasi pada 2019. Loji itu, yang ketiga mengguna teknologi ultra-supercritical, akan menjana elektrik 2,000MW.

“Ini akan meningkatkan penguasaan kapasiti penjanaan TNB di Malaysia kepada 53.2 peratus, berbanding 51.2 peratus sekarang ini, sekaligus menyumbang kepada kestabilan sistem Grid Nasional,” katanya.